



## Program Bantuan Pekerja Anda

Alami kehidupan sepenuhnya

Sokongan dan maklumat untuk membantu anda menghadapi peristiwa yang boleh diramalkan dan juga yang tidak dapat dijangka dalam kehidupan.

### Program Bantuan Pekerja Anda

Cabarang yang dilalui setiap hari boleh menjadi terlalu susah untuk dihadapi. Rumah tangga anda, kebahagiaan anda, dan prestasi anda di tempat kerja boleh terjejas.

Kami boleh membantu. Program Bantuan Pekerja (EAP) anda menyediakan sokongan bagi cabaran harian sedemikian dan bagi masalah yang lebih serius. Bantuan disediakan pada bila-bila masa anda memerlukannya.

Kami sedia membantu anda dan keluarga anda dengan pelbagai jenis keperluan peribadi dan yang berkaitan dengan kerja anda.



## **Bagaimakah faedah ini boleh membantu saya?**

Anda mungkin menghadapi tekanan di tempat kerja, mencari nasihat kewangan atau undang-undang, atau sedang mengatasi kematian orang tersayang. Mungkin anda hanya ingin mengukuhkan pertalian keluarga anda. EAP anda menawarkan bantuan dan sokongan untuk masalah sedemikian dan lebih lagi:

- Kemurungan, kebimbangan dan tekanan
- Penyalahgunaan dadah
- Masalah atau konflik di tempat kerja
- Isu-isu keibubapaan dan keluarga
- Isu-isu kewangan atau undang-undang

## **Bagaimana ia berfungsi?**

Akses ke EAP anda adalah mudah dan disediakan 24 jam sehari. Anda hanya perlu menghubungi nombor talian yang disenaraikan dalam risalah ini untuk bercakap dengan seorang pakar yang akan membantu anda mengenal pasti jenis masalah anda dan sumber yang bersesuaian untuk menanganinya. Jika anda memerlukan perkhidmatan kewangan atau undang-undang, kami akan merujukkan anda kepada seorang pakar bidang tersebut. Jika anda ingin menjumpai seorang pegawai perubatan, kami akan padankan anda bersama seseorang dalam jaringan kami yang mempunyai pengalaman yang bersesuaian untuk membantu anda. Ahli-ahli pakar kami peka terhadap keperluan khusus jantina, bahasa dan budaya anda.

## **Berapakah Kosnya?**

Perkhidmatan ini dibayar oleh majikan anda dan termasuk perundingan pertama untuk membantu mengenal pasti keperluan anda. Selepas itu, anda mungkin dikenakan bayaran untuk bantuan lanjut bergantung kepada keperluan anda. Tetapi ini akan diterangkan dengan jelas kepada anda dan anda sentiasa boleh membuat keputusan untuk meneruskan atau tidak. Sila rujuk kepada skim faedah majikan untuk maklumat lanjut. Akses ke portal **Livewell** disediakan tanpa sebarang kos tambahan.

## **Adakah perkhidmatan ini sulit?**

Kami tidak akan berkongsi rekod peribadi anda bersama majikan anda atau pihak ketiga tanpa kebenaran anda. Maklumat berkenaan anda dan perkhidmatan yang anda gunakan adalah sulit mengikut undang-undang dan peraturan tempatan.

## **Untuk bermula, sila hubungi**

24/7 - Bahasa Inggeris      800 616 2407  
Keluar Dari Negara            +65 6232 2115

atau log masuk ke **livewell.optum.com**

Kod akses: paypal

Program ini bukan untuk kegunaan semasa kecemasan atau rawatan segera. Semasa kecemasan, hubungi nombor telefon perkhidmatan kecemasan tempatan atau pergi ke bilik kecemasan terdekat. Tertakluk kepada penafian tambahan livewell.optum.com/public/content/docs/eap\_eng.pdf

Optum® adalah tanda dagangan berdaftar Optum, Inc. di A.S dan bidang kuasa yang lain. Semua jenama atau nama produk lain adalah tanda dagangan atau tanda berdaftar harta milikan persendirian pemilik. Oleh sebab pihak kami memperbaiki produk dan perkhidmatan kami secara berterusan, Optum memelihara hak untuk mengubah spesifikasi tanpa notis awal. Optum adalah majikan peluang sama rata.